

Kerajaan akan siasat kes Metramac: PM

Siasatan dibuat jika ada laporan berlaku kesalahan

Oleh Rasid Rahaman

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menyiasat isu membatalkan Tan Sri Halim Saad dan Datuk Anuar Othman yang disebut mengambil RM32.5 juta daripada Metramac Corporation (Metramac) dalam penghakiman Mahkamah Rayuan pada 12 Januari lalu, jika menerima laporan yang mendakwa berlaku kesalahan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan akan membuat siasatan jika ada laporan bahawa berlaku perkara yang dianggap sebagai satu kesalahan, berhubung isu berkenaan.

"Kalau tidak, buat apa kita hendak jalankan siasatan," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Antologi Puisi hasil karya Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said berjudul 'A Samad Said: Sebuah Antologi Puisi yang Menghimpunkan Karya-karya selama Lebih Setengah

Abad'; di Auditorium Arkib Negara, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Rahani Jamil; Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Profesor Datuk Dr Firdaus Abdullah dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai penghakiman Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Gopal Sri Ram ketika memutuskan kes melanggar perjanjian mendapat hak pengiklanan membatalkan Fawziah Holdings Sdn Bhd dan Metramac, menyebut kedua-dua ahli perniagaan itu mengambil RM32.5 juta daripada Metramac.

Dalam kes itu, Metramac yang sebelum ini dikenali Syarikat Teratai KG Sdn Bhd (STKG), diperintah membayar RM65 juta kepada Fawziah Holdings Sdn Bhd sebagai ganti rugi kerana kehilangan hak pengiklanan.

Sementara itu, ditanya mengenai laporan yang menyebut Volkswagen AG (VW) sudah menamatkan rundingannya untuk mewujudkan perkongsian strategik dengan Proton Holdings Bhd, Perdana Menteri berkata, perbincangan masih diteruskan.

"Proton menulis kepada mereka (VW) dan meminta mereka menyatakan secara rasmi mengenai situasi (status cadangan itu) sekarang," ka-

tanya sambil menjelaskan, pengeluar kereta nasional terbabit turut berbincang dengan pihak lain.

Proton memeterai perjanjian dengan VW pada Oktober 2004 untuk mengkaji cadangan mewujudkan kerjasama tetapi satu laporan baru-baru ini menyebut rundingan mengenai sudah ditamatkan.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah meminta media membantu menjadikan hasil sastera karya penulis tempatan diminati ramai dan tidak hanya dibaca di bangku sekolah.

Perdana Menteri berkata, antara pendekatan yang boleh diambil ialah akhbar mewujudkan ruangan ulasan hasil karya penulis tempatan.

"Mungkin dengan cara itu boleh menarik minat orang ramai. Kita tidak mahu minat hasil sastera hanya di peringkat sekolah dan universiti yang kebanyakannya dibaca kerana menjadi satu daripada mata pelajaran," katanya.

FAKTA NOMBOR

RM32.5j

Jumlah diambil daripada Metramac

RM65j

Metramac diperintah membayar kepada Fawziah Holdings Sdn Bhd